



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**26 OGOS 2021**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **3,487 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **134,517 kes**. Sebanyak 26 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 11 kes di Tawau, sembilan (9) kes di Kota Kinabalu, tiga (3) kes di Putatan manakala Pitas, Papar, dan Keningau masing-masing satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 2,557 menjadikan jumlah kumulatif 104,181 orang. Seramai 4,895 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,434 orang di hospital, 3,403 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 46 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala 12 orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 174 orang dan 78 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kes harian naik semula hari ini kepada (3,487) kes, tambahan (+263) kes berbanding (3,224) kes yang dicatatkan semalam (25 Ogos 2021).
- b. Kota Kinabalu susut sedikit kepada 609 (-21) kes, Penampang 450 (+37) kes, Sandakan 367 (+122) kes, Kinabatangan 249 (+196) kes, Tawau 215 (+26) kes, Papar 185 (-134) kes, Tuaran 183 (-165) kes, Keningau 128 (+8) kes, Lahad Datu 122 (-20) kes dan Telupid 111 (+86) kes.
- c. Daripada (3,487) kes hari ini, (1,550) kes atau 44.5% adalah kes-kes yang lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (294) kes atau 8.4% antara 4 hingga 5 hari dan (315) kes atau 9% melebihi 5 hari. (2,846) kes melibatkan warganegara dan (641) kes adalah bukan warganegara.
- d. Walaupun majoriti pesakit (2,240) kes adalah mereka dalam lingkungan umur 18 hingga 59 tahun tetapi terdapat juga jangkitan dalam kalangan kanak-kanak, (31) kes melibatkan bayi yang berumur kurang daripada 1 tahun dan (297) kes adalah kanak-kanak yang berumur antara 1 hingga 5 tahun
- e. (1,992) kes atau 57.1% orang adalah melalui Saringan Kontak Rapat, (856) kes atau 24.6% melalui Saringan Bergejala dan (263) kes atau 7.5% adalah daripada Saringan Kluster.
- f. Setakat semalam (25 Ogos 2021), 33.8% penduduk dewasa Sabah telah pun melengkapkan pengambilan 2 dos vaksin dan 54.5% telah diberi 1 dos vaksin.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,992) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	263	7.5%
2	Bergejala	856	24.6%
3	Kontak	1,992	57.1%
4	Bersasar	62	1.8%
5	Lain-lain	314	9.0%
<b>JUMLAH</b>		<b>3,487</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (25 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 25/08/2021	Catatan Kes 26/08/2021	Perbandingan
1	Kinabatangan	53	249	+196
2	Sandakan	245	367	+122
3	Telupid	25	111	+86
4	Kalabakan	22	75	+53
5	Kudat	25	68	+43
6	Beluran	40	79	+39
7	Penampang	413	450	+37
8	Kunak	11	48	+37
9	Tenom	17	50	+33
10	Tawau	189	215	+26
11	Nabawan	24	49	+25
12	Lahad Datu	102	122	+20
13	Tongod	54	66	+12
14	Keningau	120	128	+8
15	Tambunan	8	14	+6
16	Putatan	94	96	+2
17	Semporna	9	9	Kekal
18	Tuaran	348	183	-165
19	Papar	319	185	-134
20	Sipitang	82	12	-70
21	Kota Belud	128	74	-54
22	Kota Kinabalu	630	609	-21
23	Kota Marudu	88	72	-16
24	Ranau	58	49	-9
25	Kuala Penyu	13	5	-8
26	Pitas	52	49	-3
27	Beaufort	55	53	-2
<b>JUMLAH</b>		<b>3,224</b>	<b>3,487</b>	<b>+263</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (12 Ogos - 25 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	308	246	2	53	609	7,411
Penampang	0	289	98	0	63	450	3,639
Sandakan	0	172	96	20	79	367	2,731
Kinabatangan	221	14	11	0	3	249	1,047
Tawau	0	119	89	0	7	215	3,228
Papar	0	137	47	0	1	185	1,801
Tuaran	0	119	54	0	10	183	2,762
Keningau	0	104	19	0	5	128	1,494
Lahad Datu	0	75	41	0	6	122	1,220
Telupid	0	66	3	39	3	111	457
Putatan	0	69	21	0	6	96	987
Beluran	0	23	6	0	50	79	582
Kalabakan	0	26	46	0	3	75	357
Kota Belud	0	65	5	1	3	74	1,021
Kota Marudu	0	61	11	0	0	72	599
Kudat	0	56	9	0	3	68	329
Tongod	42	24	0	0	0	66	496
Beaufort	0	40	11	0	2	53	710
Tenom	0	38	11	0	1	50	411
Ranau	0	44	2	0	3	49	524
Pitas	0	32	14	0	3	49	284
Nabawan	0	45	1	0	3	49	293
Kunak	0	44	4	0	0	48	291
Tambunan	0	12	2	0	0	14	160
Sipitang	0	5	5	0	2	12	895
Semporna	0	0	4	0	5	9	130
Kuala Penyu	0	5	0	0	0	5	102
<b>JUMLAH</b>	<b>263</b>	<b>1,992</b>	<b>856</b>	<b>62</b>	<b>314</b>	<b>3,487</b>	<b>33,961</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tongod	Kluster Kampung Penangah	42
Kinabatangan	Kluster Bukit Mas	27
	Kluster Hamparan 2	20
	Kluster Pauh	91
	Kluster Sungai Pin 3	81
	Kluster Tangkuyan	2
	<b>JUMLAH</b>	<b>263</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Hamparan 2 - Kinabatangan** merupakan kluster jenis tempat kerja yang berlaku di sebuah ladang sawit di Mukim Sukau, Kinabatangan. Kes indeks adalah pembantu klinik, wanita, 24, di ladang tersebut yang disahkan positif COVID-19 dengan keputusan positif dengan grading 100% (RTK-Ag) pada 18 Ogos 2021, setelah bergejala sejak 12 Ogos 2021. Kes indeks telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan untuk rawatan selanjutnya. Daripada 77 kontak yang disaring, terdapat 20 lagi kontak sosial, pekerja dan tanggungan turut dijangkiti Covid-19 menjadikan jumlah kumulatif kes positif bagi kluster ini sebanyak 21 kes. Aktiviti siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebaran jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang berdekatan yang lain.

7 Jumlah kapasiti katil 6,935 unit

- Hospital 1,443 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,820 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 70.41%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 26 OGOS 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	3,444
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	13
Orang Dalam Tahanan /Banduan	30
<b>Jumlah</b>	<b>3,487</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	2
WP Kuala Lumpur	2
Negeri Sembilan	1
Melaka	3
Johor	2
Kelantan	1
WP Labuan	2
<b>Jumlah</b>	<b>13</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,846
Bukan Malaysia	641
<b>Jumlah</b>	<b>3,487</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	960
Belum Menerima Vaksin	1,424
Menerima 1 Dos	534
Lengkap 2 Dos	569
<b>Jumlah</b>	<b>3,487</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	31
1 to 5	297
6 to 17	632
18 to 59	2,240
>60	287
<b>Jumlah</b>	<b>3,487</b>

## C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 26 Ogos 2021)
1	Tawau	34
2	Kota Kinabalu	19
3	Kota Belud	13
4	Penampang	9
5	Tuaran	7
6	Beluran	6
7	Lahad Datu	5
8	Sipitang	5
9	Papar	4
10	Keningau	3
11	Ranau	3
12	Beaufort	3
13	Kinabatangan	3
14	Kudat	3
15	Telupid	2
16	Kota Marudu	1
17	Putatan	1
18	Sandakan	1
<b>JUMLAH</b>		<b>122</b>

## D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Kapakaan Biah, Keningau		
2.	Kampung Paris 3, Kinabatangan	28 Ogos 2021	10 September 2021
3.	Kampung Sg Imam		

## E PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Taman Puri Warisan	27 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 28 Ogos 2021 sehingga 10 September 2021

## F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Gambaron 2, Telupid	31 Julai 2021	
2.	Dua (2) lokaliti di Keningau <ul style="list-style-type: none"><li>• Kilang dan kuarters pekerja Bumi Timber Sdn Bhd, Batu 27 Jalan Sook</li><li>• Kilang dan kuarters pekerja Kosinar Sdn Bhd, Batu 28 jalan Sook</li></ul>	14 Ogos 2021	Ditamatkan pada 27 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan

3.	Kampung Pengiran, Sipitang	14 Ogos 2021	
4.	Kampung Wokok Kinuta, Kota Belud	14 Ogos 2021	

## G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **16,449** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,459,635 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **32,851** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 884,587 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 9,332 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,553,037 (Mysejahtera 1,471,615 : Laman Web 81,078 : Talian Vaksinasi 344) bersamaan 56.3%.

## H BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **469,148** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 178 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 39,482 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 314 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 60 hebahan melalui kereta peronda dan dua (2) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 33 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - 13 Orang : Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - 16 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
  - Dua (2) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
  - Dua (2) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 93 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 32 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 950 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan di daerah Kinabatangan.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 265 premis perniagaan dan 812 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Alis Fried Chicken - Alimart.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 295 Premis Perniagaan melibatkan 180 anggota APM. Sebanyak dua (2) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.

- 6      Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.
- 7      Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 25 premis, melibatkan 14 buah BBP pada hari ini.
- 8      Sejumlah 133 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 9      Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 78 hebahan di seluruh Sabah.

**J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tuaran	96.5%
2	Kunak	96.5%
3	Kinabatangan	96.5%
4	Beaufort	96%
5	Tenom	96%
6	Kota Belud	96%
7	Sipitang	96%
8	Kota Marudu	96%
9	Keningau	96%
10	Kudat	95.5%
11	Semporna	95%
12	Sandakan	95%
13	Beluran	95%
14	Kota Kinabalu	95%
15	Lahad Datu	95%
16	Ranau	95%
17	Penampang	94.5%
18	Tawau	94.5%
19	Papar	94.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**